

Client : MYNIC Berhad
Publication : Harian Metro Online– it@Metro
Date : Wednesday 2 April 2008
Title : Personalised Internet Address .my Suffix Reflects the Malaysian Identity

Type : Client News

Page :



Alamat laman web sendiri

Oleh Afiq Hanif
mafiq@hmetro.com.my

TANPA perlu menoleh ke belakang, mak cik di kampung atau siapa yang teringin memiliki laman web menggunakan nama sendiri seperti www.ali.my atau www.satekampung.my kini boleh mendaftar untuk mendapatkannya apabila MYNIC Berhad membuka tawaran itu kepada umum.

Pembekal pendaftaran alamat Internet terkemuka Asia Pasifik, MYNIC Berhad menawarkan alamat dua peringkat 'domain' (2DL) kepada rakyat di negara ini berbanding 3DL sebelum (contohnya www.123.com.my) bermula 25 Mac lalu.

Pengarahnya, Shariya Haniz Zulkifli, berkata ia berdasarkan siapa cepat dia dapat dengan mengaktifkan alamat kepada 2DL melalui 31 vendor yang berdaftar.

"Mungkin umum tertanya-tanya apa yang istimewanya 2DL, jika kita melihat perkataan itu sendiri iaitu 'my' bermakna saya punya selain singkatan untuk Malaysia malah ia mudah diingati," katanya.

Menurutnya, .my melambangkan kebanggaan kerana menggunakan singkatan Malaysia yang menaikkan imej serta penjenamaan sekali gus meningkatkan populariti laman web.

"2DL menawarkan perkhidmatan alamat Internet lebih mudah dan ringkas untuk diingati bagi mengurangkan jurang industri dalam pelbagai perniagaan serta aktiviti," kata Shariya.

Pendaftaran 2DL dibuka kepada individu atau organisasi berdasarkan siapa cepat dia dapat dengan perlu mengemukakan dokumen sokongan serta berumur 18 tahun ke atas.

Selain berdaftar dengan MYNIC, pengguna boleh mengunjungi 31 pembekal dilantik dan sehingga kini lebih 7000 pendaftaran dikemukakan.